



LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

PEKELILING KETUA PENGARAH BILANGAN 3 TAHUN 2017

**PENEMPATAN TIGA (3) JAWATAN UTAMA DI PERTUBUHAN PELADANG
DAN
PENGURANGAN PERJAWATAN ANGGOTA KEPADA 90 PERATUS PENGISIAN**

1. TUJUAN

Pekeliling Ketua Pengarah untuk memaklumkan mengenai penguatkuasaan Dasar Penempatan Tiga (3) Jawatan Utama Di Pertubuhan Peladang Dan Pengurangan Perjawatan Anggota Kepada 90 Peratus Pengisian.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Mesyuarat Lembaga LPP Ke-190 pada 2 Oktober 2007 telah meluluskan Dasar Penempatan 3 Jawatan Utama di PP. Dasar ini menghendaki PP melantik anggotanya sendiri bagi tugas-tugas yang melibatkan perniagaan komersil. Pendekatan ini akan membentuk satu imej baru dalam pembangunan PP sebagai sebuah entiti perniagaan.

2.2 Arahan semasa dari kerajaan melalui JPA menetapkan pengisian perjawatan hendaklah **dikurangkan kepada 90 peratus**. Arahan tersebut telah diterima pada 28 Oktober 2015 melalui surat KP/PSM(O)/PLB/04/1/1Jld.4s.k(68)(1).

- 2.3 Pekeliling Perbendaharaan PB 3.3 *Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan* yang menyatakan pewujudan jawatan baru tidak dibenarkan kecuali melalui kaedah tukar ganti (trade off) dan pindah butiran (redeployment) serta tiada implikasi kewangan tambahan.
- 2.4 Strategi Pelan Korporat Ke-6 iaitu '*Memperkukuh Peranan Dan Fungsi Pendaftar*' memberi penekanan kepada menzahirkan imej LPP sebagai Pendaftar PP dan peranan Regulatori. Bagi menjayakan strategi ini LPP perlu mempunyai bilangan anggota yang mencukupi dan pakar untuk melaksanakan tugas penyeliaan dan penguatkuasaan dengan lebih berkesan.
- 2.5 Keperluan menempatkan anggota LPP untuk mengisi 3 jawatan utama tersebut adalah perlu berdasarkan asas berikut:
- a) Menjaga kepentingan kerajaan dan peladang dalam melaksanakan tugas yang melibatkan dasar dan polisi kerajaan.
 - b) Memberi peluang kepada PP melantik anggotanya sendiri bagi melaksanakan tugas-tugas yang melibatkan perniagaan.
 - c) Sebagai strategi terakhir sebelum menyerahkan pengurusan/pentadbiran PP kepada PPK/PPN apabila sampai waktunya.

3. TAKRIF

"**Ketua Jabatan**" ertinya Pengarah Bahagian / Pengarah LPP Negeri / Pengarah Unit Integriti / Ketua Cawangan Undang-Undang / Ketua Cawangan Audit Dalam sahaja.

4. OBJEKTIF PELAKSANAAN

- 4.1 Penempatan 3 jawatan utama ini untuk memberi ruang kepada LPP membuat penempatan semula jawatan dari PP ke Cawangan atau Bahagian yang menjalankan fungsi Pendaftar atau Pembangunan.
- 4.2 Mematuhi arahan semasa dari kerajaan untuk mengurangkan pengisian jawatan kepada 90 peratus pengisian jawatan.
- 4.3 Menyusun (redeployment) semula anggota Pembantu Ehwai Ekonomi (E19) dan Pembantu Tadbir Operasi (N19) di Pertubuhan Peladang (PP) secara berperingkat. Mana-mana PP yang terbabit akan membuat lantikan sendiri bagi menggantikan jawatan yang tidak diisi.
- 4.4 Menyusun semula penempatan anggota dan agihan tugas di LPP Ibu Pejabat dan LPP Negeri untuk menyesuaikan dengan kekosongan jawatan yang tidak diisi.
- 4.5 Mewujudkan jawatan baru yang akan dilaksanakan secara berperingkat dengan menambah lapisan kenaikan pangkat bagi gred 40, 28, 18 dan 16. Pelaksanaan ini akan melibatkan beberapa jawatan untuk ditukar ganti (trade off).
- 4.6 Menamatkan Elaun Tanggung Kerja (ETK) bagi kekosongan yang berlaku daripada persaraan wajib, pilihan, berhenti dan naik pangkat di PP yang dikenalpasti untuk dilantik oleh PP sendiri selepas 30 Jun 2017.

5. DASAR PENEMPATAN 3 JAWATAN UTAMA DI PERTUBUHAN PELADANG (PP) DAN PENGURANGAN JAWATAN ANGGOTA KEPADA 90 PERATUS PENGISIAN

5.1 Kertas Dasar ini akan menjadi panduan kepada semua Ketua Jabatan dalam melaksanakan arahan untuk menyusun semula tugas-tugas bagi jawatan-jawatan yang tiada penyandang untuk diagihkan kepada anggota sedia ada.

5.2 Berdasarkan Kertas Dasar ini, secara umumnya kedudukan perjawatan di PP akan dikurangkan daripada 7 anggota kepada 3 anggota tertakluk kepada kedudukan kewangan PP. Tiga jawatan yang dikekalkan di PP adalah:

- i) Pengurus Besar
- ii) Pengurus Akaun
- iii) Pengurus Hal Ehwal Korporat

5.3 Kertas Dasar ini merupakan suatu panduan umum dan Ketua Jabatan boleh membuat pengubahsuaian atas kepentingan perkhidmatan.

6. KAEDAH PELAKSANAAN

6.1 Tanggungjawab Pengarah Bahagian/ Pengarah Negeri/ Pengarah Unit/ Ketua Cawangan.


6.1.1 Apabila pekeliling ini diedarkan, setiap Ketua Jabatan hendaklah mengkaji, mengenalpasti dan menyusun semula tugas-tugas bagi jawatan yang telah ditamatkan ETK / jawatan tiada penyandang di bawah seliaan masing-masing berdasarkan bilangan anggota yang sedia ada.

- 6.1.2 Penyusunan penempatan anggota (redeployment) perlu dilakukan pada masa ini bagi memenuhi keperluan semasa disebabkan jawatan-jawatan yang sedang kosong sekarang ini tidak boleh dibuat pengisian dalam suatu tempoh waktu yang panjang.
- 6.1.3 Penyusunan anggota akan dibuat berdasarkan keutamaan dan keperluan mengikut dimana lokasi kekosongan tersebut berlaku.
- 6.1.4 Sekiranya kekosongan yang berlaku terlalu banyak, Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan permohonan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) agar penyusunan semula penempatan anggota (redeployment) boleh dibuat.
- 6.1.5 Keutamaan jawatan yang terlibat dengan kekosongan dan tidak akan diisi di PP adalah terdiri daripada jawatan Gred E19 dan Gred N19.
- 6.1.6 Untuk mencapai hasrat JPA agar pengisian jawatan di LPP tidak melebihi sembilan puluh peratus (90%), keutamaan penyusunan semula penempatan anggota adalah seperti berikut:
- i) Pertubuhan Peladang (PP Gred A) untuk menggaji/melantik anggota sendiri.
 - ii) Mengenalpasti PP Gred B dan Gred C yang tidak mempunyai beban tugas yang berat atau kurang aktiviti ekonomi berbanding PP lain.

7. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Ketua Pengarah ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.



(DATO' HJ. MOHD SALIM BIN HJ.TAHA)
Ketua Pengarah
Lembaga Pertubuhan Peladang

23 Februari 2017

Edaran Kepada :

- Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan
- Timbalan Ketua Pengarah Operasi
- Pengarah – Pengarah Bahagian
- Pengarah Unit Integriti
- Pengarah – Pengarah LPP Negeri
- Ketua Cawangan Audit Dalam
- Ketua Cawangan Undang – Undang
- Presiden Persatuan Pegawai – Pegawai Kanan LPP Semenanjung Malaysia (PEKA)
- Yang Dipertua Kesatuan Kebangsaan Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi LPP Semenanjung Malaysia (KEPELADANG)
- Yang Dipertua Kesatuan Pembantu Ehwal Ekonomi LPP Semenanjung Malaysia (KELADANG)
- Yang Dipertua Kesatuan Kakitangan Akaun/Audit Semenanjung Malaysia (KESADA)
- Yang Dipertua Kesatuan Kakitangan Pentadbiran LPP Semenanjung Malaysia (KETADBIR)
- Yang Dipertua Kesatuan Penolong Jurutera LPP Malaysia (KETEKNIK)
- Yang Dipertua Kesatuan Kakitangan LPP Negeri Sabah (KESABAH)